

Headline	TNB raih 4 anugerah CSR Global 2016		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 May 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	B8
ArticleSize	233 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 24,003		



# TNB raih 4 anugerah CSR Global 2016

**Tenaga** Nasional Bhd (TNB) buat julung kali merangkul anugerah platinum melalui kategori Anugerah Kepimpinan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) pada Sidang Kemuncak dan Penganugerahan CSR Global 2016 di Bali, Indonesia, baru-baru ini.

Penganugerahan itu berdasarkan pembabitan aktif Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie dalam aktiviti CSR TNB yang menekankan usaha syarikat dalam pendidikan, pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar serta pembangunan komuniti.

Pada majlis sama, TNB turut merangkul tiga lagi anugerah melalui anak syarikatnya yang menyumbang dan mempromosi aktiviti CSR TNB.

## Anugerah emas

TNB Research Sdn Bhd (TNB), anak syarikat milik penuh TNB memenangi anugerah emas bagi kategori Kecemerlangan Alam Sekitar Terbaik atas pencapaiannya dalam membuat kajian, memulihara

alam sekitar dan memindah serta menyelamatkan hidupan liar di Projek Hidro Hulu Terengganu.

TNB Janamanjung Sdn Bhd pula berjaya meraih anugerah emas untuk kategori Amalan Tempat Kerja Terbaik dan anugerah perak bagi kategori Kecemerlangan Alam Sekitar Terbaik bagi pengoperasian stesen yang memberi penekanan kepada keprihatinan warga kerja dan alam sekitar.

Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat & Komunikasi) TNB, Datuk Ir Mohd Aminuddin Mohd Amin mewakili TNB menerima anugerah itu daripada Ketua Indonesia bagi Sekretariat Mekanisme Pengkreditan Bersama Kerjasama Dua Hala Indonesia – Jepun, Dicky Edwin Hirdanto.

Majlis tahunan Sidang Kemuncak dan Penganugerahan CSR Global 2016 mengumpulkan lebih 40 syarikat antarabangsa yang bergiat aktif dalam aktiviti CSR antaranya Tata Consultancy, Samsung, Pertamina dan Maybank.



**Mohd Aminuddin (kanan) menerima anugerah** daripada Hirdanto di Bali, baru-baru ini.